

# Kosmetik buah naga

» Dr Siti Salwa mahu komersialkan hasil kajian untuk atasi masalah penuaan kulit



Oleh Norhafzan Jaafar  
hafzan@bh.com.my

Kegemarannya memakan buah naga mencetuskan idea kepada penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Salwa Abdul Gani, 32, untuk menghasilkan produk kosmetik pertama di negara ini berasaskan buah daripada keluarga kaktus itu.

Pensyarah Kanan Pusat Asasi Sains Pertanian berkenaan memulakan penyelidikannya secara berperingkat sejak tahun 2011, selepas timbul keinginan mendalam untuk mengetahui dan mengkaji khasiat sebenar buah itu dengan nama saintifiknya *Hylocereus*.

Kajian yang memberikan tumpuan terhadap bahan aktif berasaskan tumbuh-tumbuhan itu berjaya menghasilkan *Naga Essence* yang didapati daripada biji buah naga.

Ita diformulasikan sebagai produk penjagaan kulit, selain sesuai digunakan dalam pelbagai pembuatan dan penghasilan produk kosmetik serta farmaseutikal lain.



Siti Salwa (tiga dari kiri) bersama **pelajarnya menghasilkan produk** *Naga Essence* yang pertama di Malaysia pada sidang akhbar di UPM, baru-baru ini. [FOTO MUNIRA ABDUL GHANI / BH]

## Lambatkan kedutan

Siti Salwa berkata, kandungan asid lemak poli tak tepu dan sebatian antioksidan yang tinggi menjadikan pati buah naga ini yang asal usulnya dari Mexico sangat ideal digunakan oleh mereka yang menghadapi masalah kulit seperti kulit sensitif, kekeringan dan kedutan.

"Faktor lain mempercepatkan penuaan kulit seperti terdedah kepada sinaran ultra lembayung (UV), pembentukan radikal oksigen bebas dan kesihatan kulit.

"Justeru, *Naga Essence* ini dipercayai membantu melembapkan kulit, menghalang pembentukan radikal bebas, menghalang penembusan ultra lembayung A (UVA) dalam kulit, selain melambatkan pembentukan kedutan.

“**Faktor lain mempercepatkan penuaan kulit seperti terdedah kepada sinaran ultra lembayung (UV), pembentukan radikal oksigen bebas dan kesihatan kulit**”

**Siti Salwa Abdul Gani,**  
Penyelidik  
UPM



Antara produk kosmetik **berasaskan buah naga.**

"Produk ini amat sesuai digunakan dalam keadaan cuaca Khatulistiwa di Malaysia dan negara kering empat musim serta Asia Barat," katanya ditemui baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Bahagian Edu-Park, Putra Science Park UPM, Prof Madya Dr Faridah Qamaruz Zaman dan Dekan Fakulti Sains UPM, Prof Dr Zainal Abidin Talib.

## Selesai masalah kulit

Siti Salwa berkata, penyelidikan berterusan dan berperingkat juga menghasilkan beberapa produk kosmetik lain yang dihasilkan daripada *Naga Essence* seperti krim antipenuaan, sabun, pelembap bibir,

lulur badan serta cecair pencuci tangan dan badan.

Beliau berkata, krim antipenuaan yang dihasilkan daripada *Naga Essence* ini diyakini mampu menyelesaikan masalah penuaan kulit yang dihadapi kebanyakan masyarakat hari ini yang juga dikenal pasti sebagai masalah utama dalam bidang kosmesutikal.

"Penipisan lapisan ozon, pencemaran udara dan pemanasan global menjadikan masalah ini semakin serius. Sinaran UV jenis A pula boleh menyebabkan kanser kepada manusia,"

katanya yang turut dibantu dua lagi pensyarah dan tujuh pelajar dalam penyelidikan yang mendapat geran daripada Geran PUTRA UPM sendiri.

## Dapat pengiktirafan antarabangsa

Selain kandungannya suci dan halal kerana dihasilkan daripada sumber asli dan bahan tumbuh-tumbuhan semula jadi, *Naga Essence* ini turut mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

Antaranya adalah pingat emas dalam Pameran Reka-crea Penyelidikan dan Inovasi UPM (2014), pingat perak dalam Cabaran Inovasi Pertanian Malaysia (2014) dan perak gangsa bagi Anugerah Inovasi Bio (Bioteknologi Asia) pada tahun 2014.

Ditanya mengenai keberkesanan *Naga Essence* untuk bersaing dengan produk kosmetik sedia ada di pasaran, Siti Salwa berkata, beliau yakin ia mampu menembusi pasaran bukan hanya tempatan tetapi juga di luar negara berikutan khasiat tersendiri yang ada pada pati buah naga itu.

"Masyarakat kini sudah ada kesedaran terhadap bahaya dan kesan buruk kulit yang terdedah kepada sinaran UV, selain kepentingan menjaga kesihatan kulit.

"Tambahan pula penggu-

na semakin beralih kepada produk berasaskan herba atau mempunyai kandungan berasaskan bahan semula jadi," katanya.

Beliau kini dalam proses mempromosikan produk berkenaan kepada syarikat kosmetik yang berminat untuk menentang *Naga Essence* secara komersial.

## INFO

### Buah naga

- © Nama bahasa Inggeris: Pitaya
- © Nama saintifik: **Hylocereus**
- © Spesies buah naga: *Hylocereus polyrhizus* (kulit merah berisi merah) *Hylocereus undotus* (kulit merah berisi putih) *Hylocereus megalanthus* (kulit kuning berisi merah)

